


KEMENTERIAN KEWANGAN
Wisma Kewangan
88593 Kota Kinabalu
Sabah, Malaysia
Tel.: 088-251513/251514/251516
Faks: 088-237605
Website: www.mof.sabah.gov.my

Tel. : 088-252692
Bil. : KEW: 100-10/5 Klt.29
Tarikh : 01 Oktober 2014



Semua Setiausaha Tetap Kementerian
Semua Ketua Jabatan Negeri
Semua Ketua Badan Berkanun Negeri
Mayor Dewan Bandaraya Kota Kinabalu
Semua Presiden Majlis Perbandaran
Semua Pegawai Daerah
Semua Penolong Pegawai Daerah
Semua Pegawai Eksekutif Pihak Berkuasa Tempatan

Datuk/Tuan/Puan,

**TAMBAHAN PERTAMA KEPADA SURAT PEKELILING BIL.12 TAHUN 2008:
DASAR PEROLEHAN DAN PELAKSANAAN SISTEM APLIKASI ICT SERTA
PENYIMPANAN DATA DAN SISTEM APLIKASI ICT KE PUSAT DATA
KERAJAAN NEGERI**

1. TUJUAN

Garis panduan ini bertujuan untuk membantu agensi Kerajaan Negeri Sabah mengenai prosedur dan perkara yang perlu di pertimbangkan dan diambil perhatian dalam Perolehan, Pembangunan dan Pelaksanaan Sistem Aplikasi ICT daripada Pihak Ketiga (*Third Party*) atau Swasta bagi menjamin kualiti sistem aplikasi yang dibangunkan adalah efisien serta mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi bagi menyokong urusan pengurusan dan pentadbiran serta memberi nilai pulangan yang optimum kepada Kerajaan Negeri. Di samping itu, ia bertujuan untuk memastikan Dasar Teknologi Hijau diamalkan dalam setiap perolehan sistem aplikasi melalui pihak ketiga untuk meminimumkan penggunaan peralatan ICT melalui teknologi *virtualization*.

2. LATAR BELAKANG

Pekeliling Kementerian Kewangan Bil.12 Tahun 2008 telah menetapkan dasar perolehan secara umum mengenai Perolehan Sistem Aplikasi ICT daripada Pihak Ketiga (*Third Party*) atau Swasta. Dasar tersebut tidak menyatakan secara terperinci mengenai garis panduan atau prosedur sebenar Pengurusan Perolehan Sistem Aplikasi ICT dari Pihak Ketiga.

Susulan daripada itu, terdapat perolehan sistem aplikasi ICT daripada pihak ketiga tidak di bincang, dinilai dan diuji keselamatan sistem dan maklumat terlebih dahulu oleh Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri(JPKN). Ini menyebabkan berlaku pertindihan pembangunan sistem aplikasi yang sama dan kesusukaran melaksanakan sokongan terhadap sistem tersebut kerana *platform* dan *back end* yang diperolehi dari pihak ketiga tidak memfokuskan kepada kepakaran pegawai teknologi maklumat yang sedia ada.

Selain itu, terdapat juga sistem yang telah siap dibangunkan tetapi tidak memenuhi fungsi utama keperluan agensi sepenuhnya menyebabkan sistem tersebut tidak digunapakai sepenuhnya oleh agensi yang berkaitan. Kegagalan menangani perkara-perkara tersebut serta tidak mengambilkira keperluan pemindahan teknologi selepas sistem siap dibangunkan menyebabkan ada agensi yang terlalu bergantung kepada pihak pembekal untuk menyelenggara sistem tersebut. Ini telah menyumbang tambahan kos perbelanjaan kepada Kerajaan Negeri.

3. SKOP

Garis Panduan memberi fokus kepada perkara-perkara yang perlu di ambil kira dan dipertimbangkan oleh agensi kerajaan negeri yang bercadang untuk melaksanakan Perolehan Sistem Aplikasi ICT daripada pihak ketiga atau swasta.

4. TANGGUNGJAWAB

Pihak pengurusan atau Ketua Pegawai Maklumat(CIO) agensi adalah bertanggungjawab merancang pembangunan sistem aplikasi ICT di agensi masing-masing serta mematuhi dasar dan garis panduan ICT yang telah ditetapkan oleh kerajaan negeri.

5. PROSEDUR PENGURUSAN PEROLEHAN SISTEM APLIKASI ICT DARIPADA PIHAK KETIGA ATAU SWASTA

a. Kemukakan kertas kerja

Ketua Pegawai Maklumat(CIO) agensi bertanggungjawab mengemukakan permohonan kepada Kementerian Kewangan berserta dengan cadangan kertas kerja. Format kertas kerja adalah seperti dalam Lampiran A.

b. Penilaian Cadangan Kertas Kerja

JPKN dipertanggungjawab untuk meneliti dan menilai serta memberi ulasan mengenai cadangan keperluan perolehan sistem aplikasi tersebut.

c. Kelulusan

Kementerian Kewangan bertanggungjawab memberi kelulusan terhadap cadangan perolehan tersebut bergantung pada ulasan yang diberikan oleh JPKN dan tertakluk kepada peruntukan yang sedia ada.

d. Pemilihan Pembekal

Agensi bertanggungjawab memastikan kaedah perolehan seperti tender dan sebutharga biasa hendaklah dipatuhi. Pemilihan pembekal hendaklah mengambil kira kelayakan, kedudukan kewangan, tidak di senarai hitam, berpengalaman, mempunyai kepakaran, mempunyai tenaga kerja yang mencukupi dan mampu memberi *response time* yang cepat sekiranya diperlukan untuk memenuhi keperluan projek dan kualiti kerja.

e. Kerahsiaan Maklumat

Bagi memastikan kerahsiaan maklumat rasmi jabatan terjamin, pihak ketiga atau swasta mesti menandatangani *Non Disclosure Agreement(NDA)* berdasarkan Arahan Keselamatan dan Akta 88 sebagai salah satu syarat dalam menangani isu kebocoran maklumat.

f. Hak Milik Source Code

Semua *source code* sistem aplikasi yang dibangunkan oleh pihak ketiga(swasta) melalui peruntukkan Kerajaan Negeri menjadi **HAK MILIK KERAJAAN NEGERI** dan agensi perlu memastikan perkara ini dimasukkan dalam kontrak perjanjian. Pihak Kerajaan berhak membuat pengubahsuaian ke atas *source code* tersebut mengikut keperluan agensi ketika melakukan penyelenggaraan sistem aplikasi tersebut.

g. Service Level Agreement(SLA)

Agensi perlu memastikan *Service Level Agreement(SLA)* dimasukkan sebagai satu komponen dalam dokumen serta dipantau tahap

pencapaiannya bagi memastikan kestabilan sistem dan perkhidmatan yang memuaskan dari pembekal.

h. Pengurusan Perubahan (*Change Management*)

Pengurusan perubahan perlu diwujudkan bersama antara agensi dan pembekal. Program ini perlu dirancang dengan teliti bagi mengelak projek tidak siap mengikut jadual, projek gagal dan mengelak peruntukan kos tambahan yang mungkin akan timbul akibat kelewatan.

i. Pemindahan Teknologi (*Transfer of Technology*)

Bagi tujuan persediaan pemindahan teknologi, agensi haruslah memastikan program latihan yang sewajarnya diberikan kepada pegawai agensi yang akan bertanggungjawab ke atas pengoperasian sistem dan penyelenggaraan sistem aplikasi selepas tamat tempoh kontrak.

j. Persediaan Peralihan (*Transition Management*)

Agensi haruslah memastikan pihak pembekal menyediakan dokumentasi pengoperasian sistem dan manual pengguna yang lengkap bagi tujuan persediaan peralihan.

k. Keselamatan Data

Agensi bertanggungjawab perlu mematuhi Dasar Keselamatan ICT Sektor Awam Negeri(DKICT) dalam perolehan dan pembangunan sistem aplikasi oleh pihak swasta untuk memastikan data kerajaan negeri terjamin selamat. Surat Akuan Pematuhan DKICT yang terkandung di dalam DKICT perlu ditandatangani oleh pihak ketiga selepas diberi taklimat ringkas mengenai DKICT.

l. Penglibatan Pegawai Teknologi Maklumat

Bagi memastikan sistem aplikasi yang dibangunkan oleh pihak swasta memenuhi objektif utama perolehan dan pembangunan sistem serta mematuhi prosedur pembangunan sistem aplikasi sebenar, agensi hendaklah melibatkan seorang Pegawai Teknologi Maklumat dari JPKN dalam pasukan projek tersebut. Di samping itu ianya bertujuan untuk memberi pendedahan awal bagi membolehkan pegawai tersebut bersedia untuk pemindahan teknologi.

m. Capaian Terhadap Sistem

Agensi hendaklah bertanggungjawab sepenuhnya terhadap kawalan capaian terhadap sistem aplikasi yang dibangunkan oleh pihak swasta.

n. Penyimpanan Server

Semua server yang diguna untuk pelaksanaan sistem aplikasi hendaklah ditempatkan di Pusat Data Kerajaan Negeri bagi tujuan keselamatan data, penyelarasan *backup* harian dan kestabilan sistem.

o. Integrasi Pangkalan Data (*Database Integrated*)

Sekiranya melibatkan keperluan untuk mengintegrasikan sistem baru(dari pihak ketiga) dengan sistem sedia ada (Kerajaan), maka pihak ketiga adalah bertanggungjawab sepenuhnya untuk menyediakan dan melaksanakan *system interface* bagi membolehkan data-data dihantar dari satu sistem kepada sistem lain secara automatik.

p. Pengauditan Sistem

Semua sistem aplikasi yang dibangunkan oleh pihak swasta perlu melepasi penilaian audit sistem yang dilaksanakan oleh Pasukan Audit Sistem JPKN dan *Penetration Test* yang dikendalikan oleh *Audit & Assessment Team* di bawah *Sabah Government Computer Emergency Response Team (sgCERT)*. Ini bertujuan untuk menilai integriti sistem yang dibangunkan oleh pihak swasta.

q. Penerimaan Sistem

Sistem aplikasi yang telah siap dibangunkan hanya boleh diterima oleh Kerajaan Negeri selepas:

- (i) Lulus penilaian audit sistem oleh JPKN;
- (ii) Lulus *Penetration test* oleh sgCERT ; dan
- (iii) Agensi hendaklah berpuashati sepenuhnya terhadap hasil pembangunan sistem selepas melalui *User Acceptance Test*.

r. **Penyelenggaraan Sistem**

Keperluan untuk menyelenggara sistem aplikasi oleh pihak ketiga mesti dirujuk dan mendapat kelulusan terlebih dahulu dari Kementerian Kewangan.

6. **PENUTUP**


Agensi-agensi hendaklah merujuk garis panduan yang disediakan di dalam melaksana pengurusan perolehan dan pembangunan sistem ICT dari pihak ketiga serta mematuhi Surat Pekeliling Kementerian Kewangan Bil.12 Tahun 2008 dan pekeliling-pekeliling kerajaan berkaitan.

7. **TARIKH KUAT KUASA**

Surat Pekeliling ini berkuat kuasa dari tarikh ia ditandatangani dan hendaklah dilaksanakan oleh semua Kementerian/Jabatan/Agensi Kerajaan Negeri.

Sekian dan terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA DENGAN BERSIH, CEKAP DAN AMANAH”
“JIMAT DAN PRODUKTIF”**



(DATUK PENGIRAN HASSANEL DATUK PG. HJ. MOHD. TAHIR)
Setiausaha Tetap
Kementerian Kewangan

s.k. Setiausaha Kerajaan Negeri

LAMPIRAN A

FORMAT KERTAS KERJA PERMOHONAN PEROLEHAN PEMBANGUNAN SISTEM APLIKASI DARI PIHAK KETIGA

1. Tajuk Kertas Kerja
2. Tujuan Kertas kerja
3. Peranan dan Fungsi Agensi
 - *Nyatakan peranan dan fungsi utama organisasi dan kaitanya dengan perolehan ICT yang dicadangkan*
4. Pelan Strategik ICT (ISP) Agensi
 - *Nyatakan dengan ringkas arah tuju dan status semasa program ICT Agensi*
 - *Sumber ICT sedia ada*
5. Rasional yang membawa kepada cadangan projek ICT
 - *Projek Baru/Peningkatan/Perluasan(roll out) atau pertambahan skop perkhidmatan*
6. Cadangan Perolehan
 - *Keterangan perolehan pembangunan sistem aplikasi dari pihak ketiga*
 - *Spesifikasi Teknikal*
 - *Perkakasan/perisian yang terlibat*
 - *Penyelenggaraan (sekiranya ada)*
 - *Perkhidmatan*
 - *Pelan Pelaksanaan*
 - *Anggaran kos dan sumber peruntukan untuk membiayai projek dan pecahan kos mengikut butiran.(Setiap perincian harus disertakan pecahan harga bagi setiap unit)*
7. Faedah Jangka Pendek dan Jangka Panjang serta *Outcome* Projek ICT yang dicadangkan
 - *Nyatakan petunjuk-petunjuk prestasi atau 'deliverables' yang dijangka akan dicapai hasil pembangunan sistem aplikasi dari pihak ketiga*
8. Maklumat Pegawai untuk dihubungi
 - *Nama Pegawai*
 - *Jawatan*
 - *No. Telefon*
 - *No. Faks*
 - *Alamat E-mel*